

### STUDENT SELF-DEVELOPMENT PROGRAMME

Pada 24-28 April 2016 yang lepas, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar bersama Persatuan Pelajar Awam (PPA) telah menganjurkan program *Student Self-Development* yang diadakan seiring dengan program Karnival Gegar FKAAS yang berlangsung pada tarikh yang sama. Beberapa aktiviti telah diadakan iaitu:

- 1) *Kursus AutoCAD*
- 2) *Change your Style*
- 3) *Effective Communication for Engineers Talk*
- 4) *Resume Workshop*
- 5) *Inter-Concrete Pontoon Competition*
- 6) *Pre-alumni Talk with Vice Chancellor*

Program ini dirangka bagi meningkatkan nilai tambah dalam diri setiap pelajar FKAAS yang mana ianya merupakan salah satu kriteria penting bagi mendapatkan peluang kerjaya yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran graduan (*graduate employability* – GE) fakulti khususnya serta UTHM amnya. Kursus AutoCAD terbuka kepada semua pelajar dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Kursus ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran teknikal pelajar dalam melukis pelan menggunakan perisian AutoCAD yang mana ianya merupakan kemahiran yang sangat berguna dalam industri pada masa sekarang. Bagi aktiviti *Change your Style* pula, perunding dari Mary Kay telah dijemput untuk membuat demonstrasi solekan dan penjagaan kulit wajah bagi wanita. Dalam aktiviti ini, peserta dapat mencuba sendiri produk-produk dari Mary Kay secara percuma selain diberikan tips atau petua solekan wajah.

Bagi slot *Effective Communication for Engineers Talk*, 2 orang penceramah dari eduhub.my yang juga CEO dan Co-CEO AMR Group Building (En. Ammar bin Mohd Rashid dan Puan Noor Hafizah Kusnin) telah memberikan ceramah yang telah berlangsung selama 2 jam kepada pelajar-pelajar yang FKAAS. Peserta didedahkan dengan komunikasi berkesan sebagai jurutera selain dapat mendengar penceramah berkongsi pengalaman mereka sepanjang berada di industri. Bagi slot *Resume Workshop*, Puan Salasiah Abas yang merupakan CEO bagi ProteamHS Management Consultant yang juga memegang jawatan sebagai Pengurus Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran UMLand Bhd telah berkongsi kaedah bagi menghasilkan resume yang mengikut kehendak industri. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan pakaian semasa temuduga, soalan-soalan yang biasa ditanya semasa temuduga dan sikap-sikap yang perlu ada semasa temuduga.

*Inter-Concrete Pontoon Competition* pula melibatkan penyertaan daripada pelajar-pelajar yang mengambil kursus Teknologi Konkrit supaya mereka dapat mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari di dalam bilik kuliah. 14 kumpulan telah mengambil bahagian dimana setiap kumpulan perlu melalui sesi penilaian poster oleh juri-juri yang dilantik serta membuat ujian terhadap pontoon yang dihasilkan. Slot terakhir iaitu *Pre-alumni Talk with Vice Chancellor* pula melibatkan penglibatan pelajar-pelajar semester akhir yang mana pada slot ini Datuk Naib Canselor telah menyampaikan amanat beliau khusus kepada pelajar-pelajar semester akhir dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang sepanjang aktiviti Karnival Gegar FKAAS termasuk *Inter-Concrete Pontoon Competition*.



Sesi ujian pontoon



Penceramah slot *Effective Communication for Engineers* bergambar dengan membuat *trademark* syarikat mereka bersama-sama peserta



Peserta '*Change Your Style*' bergambar bersama-sama penceramah sebelum program bermula



Pn. Salasiah Abas memulakan sesi Bengkel Resume dengan ceramah bertajuk '*What Employer Wants: Job Interview Skills and Corporate Grooming*'



Kursus AutoCAD



Bakal alumni FKAAS dan staf bergambar bersama Prof. Datuk Dr. Mohd Noh bin Dalimin, Naib Canselor UTHM